

02/10/2003

Puteri pertikai janji sukarelawan keamanan

KOTA KINABALU: Pergerakan Puteri Umno kecewa dengan sikap masyarakat antarabangsa, termasuk sukarelawan keamanan yang tidak memenuhi janji untuk membantu membina semula Afghanistan.

Ketuanya, Datuk Azalina Othman Said, berkata beliau terkejut apabila mengetahui banyak janji pihak terbabit hanya sekadar janji tetapi tidak dipenuhi.

Justeru, beliau akan bertemu Presiden Umno dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang mengenai perkara berkenaan.

"Dalam pertemuan itu, saya akan bertanya sama ada perlu bagi Umno meminta Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) menjelaskan apa yang berlaku pada wang yang disalurkan bagi membantu membina semula Afghanistan.

"Saya hairan dengan apa yang berlaku. Persoalan utama, apa yang berlaku kepada duit yang dikumpul untuk membantu mangsa peperangan di Afghanistan. Kenapa tidak disalurkan ke negara berkenaan," katanya kepada Berita Harian kelmarin.

Azalina berkata demikian ketika mengulas mengenai dakwaan Kementerian Pendidikan Afghanistan bahawa masyarakat dunia tidak memenuhi janji membantu negara itu, termasuk menstruktur semula sistem pendidikannya.

Minggu lalu, Timbalan Menteri Pendidikannya, Asraq Hossaini, berkata tahun lepas masyarakat dunia, termasuk organisasi antarabangsa berjanji membantu Kerajaan Afghanistan membina semula sekolah yang musnah ketika pemerintahan Taliban dan pencerobohan tentera Amerika Syarikat.

Katanya, program kembali semula ke sekolah yang dilaksanakan sejak Mac tahun lalu berjaya menarik lebih tiga juta kanak-kanak lelaki dan perempuan ke sekolah, tetapi mereka bersekolah dalam serba kekurangan, khususnya daripada segi kemudahan.

Pada Persidangan Antarabangsa untuk Bantuan Pemulihan Afghanistan di Tokyo pada 21-22 Januari tahun lalu, satu ikrar dilafazkan untuk menyalurkan lebih AS\$5 bilion bagi tempoh enam tahun membantu pemulihan negara berkenaan.

Ini termasuk bantuan pemulihan kemanusiaan dan program kritikal seperti penstrukturan semula sistem pendidikan di Afghanistan. Bagaimanapun, dilaporkan setakat ini hanya AS\$500 juta yang disalurkan.

Ashraq berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat rombongan Puteri Umno Malaysia yang mengadakan lawatan kerja tiga hari di Kabul, minggu lalu.

Dalam pada itu, Azalina berkata, Puteri akan mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk membincangkan perkara itu, seterusnya membawa ia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mengenai projek pembinaan sekolah di Kabul, beliau berkata Puteri akan memastikan ia berjaya dalam usaha membantu semula pembinaan Afghanistan khususnya dalam pendidikan.